



Lembaran Fakta

Fakta mengenai Wang Kertas \$5 Baru

Apakah yang boleh dijangkakan oleh orang awam dalam reka bentuk baru wang kertas \$5?

- **Nilai yang sama:** Kedua-dua wang kertas reka bentuk baru dan lama akan mengekalkan nilai muka penuh. Malah, setiap wang kertas mata wang Amerika Syarikat yang dikeluarkan sejak tahun 1861 masih boleh ditebus pada hari ini pada nilai muka yang penuh.
- **Penampilan dan rasa Amerika:** Reka bentuk duit kertas A.S. yang baru akan tetap kekal sebagai contoh unggul Amerika. Wang kertas yang baru mengekalkan saiz yang sama dan menggunakan potret dan imej sejarah yang sama seperti wang kertas yang lama - tetapi dipertingkatkan.
- **Ambil jalan bijak; ketahui ciri keselamatan wang kertas \$5 baru:** Pengguna boleh membantu melindungi duit mereka yang diperoleh dengan susah payah dengan memeriksa wang tunai mereka. Ciri tera air dan benang keselamatan yang telah pertama kali digabungkan pada tahun 1990-an memudahkan wang kertas \$5 mudah diperiksa.
 - o Kini terdapat *dua tera air* pada wang kertas \$5 yang direka bentuk semula. Tera air nombor “5” yang besar terletak dalam ruang kosong ke sebelah kanan potret menggantikan potret tera air Presiden Lincoln sebelum ini yang ditemui pada wang kertas \$5 reka bentuk lama. Tera air kedua - lajur yang terdiri daripada tiga “5” yang lebih kecil - telah ditambah pada reka bentuk \$5 yang baru dan diletak di sebelah kiri potret.
 - o Benang keselamatan yang terbenam berlari menegak dan kini terletak ke sebelah kanan potret pada wang kertas \$5 yang direka bentuk baru. Huruf “USA” diikuti dengan nombor “5” dalam corak yang berselang-seli kelihatan di sepanjang benang dari kedua-dua permukaan wang kertas. Benang itu bercahaya biru apabila dilihat di bawah cahaya ultraungu.
- **Ciri Reka Bentuk Dipertingkatkan:** Seperti jenis mata wang lain pada masa lampau, wang kertas \$5 baru juga mencirikan warna latar belakang yang lembut dan simbol kebebasan Amerika.
 - o Jidar bujur di sekeliling potret Presiden Lincoln pada permukaan hadapan dan vignet Memorial Lincoln pada permukaan belakang telah dikeluarkan. Kedua-dua ukiran telah dipertingkatkan.
 - o Simbol kebebasan wang kertas \$5 baru adalah Mohor Besar Amerika Syarikat (burung helang dan perisai).



Lembaran Fakta


- o Warna latar belakang pada latar belakang adalah ungu muda yang dipadukan menjadi kelabu berhampiran
- o Lengkuk bintang berwarna ungu mengelilingi potret dan Mohor Besar pada bahagian hadapan wang kertas tersebut
- o Pada bahagian belakang wang kertas, nombor “5” berwarna ungu yang lebih besar tertera di sudut kanan sebelah bawah untuk membantu mereka yang mempunyai tahap penglihatan rendah untuk membezakan jenis mata wang ini.
- o “05” kecil yang berwarna kuning dicetak di sebelah kiri potret pada permukaan hadapan wang kertas dan di sebelah kanan vignet Memorial Lincoln pada permukaan belakang.

Melindungi integriti duit kertas A.S. adalah proses yang berterusan. Gabungan pendidikan awam, penguatkuasaan undang-undang dan ciri keselamatan yang dipertingkatkan membantu menghalang pemalsu wang yang mungkin ada.

- Walaupun pemelancungan mata wang bukanlah masalah ekonomi yang ketara secara keseluruhannya, apabila seseorang individu atau perniagaan menerima wang kertas palsu, ia merupakan kerugian yang besar kepada mereka.
- Dengan terus membuat penilaian terhadap ancaman pemelancungan merentasi semua jenis mata wang, memperkenalkan reka bentuk baru dan menggabungkan ciri keselamatan baru, kerajaan dapat mengatasi pemelancungan mata wang.

Kesedaran awam sedunia dan program pendidikan sedang dijalankan untuk memastikan pengenalan wang kertas \$5 berjalan lancar.

- Walaupun impak duit palsu pada ekonomi negara adalah minimum, peperangan terhadap pemelancungan mata wang boleh dimenangi dengan lebih mudah jika orang awam mengetahui cara mengecam dan menggunakan ciri keselamatan pada setiap jenis mata wang.
- Untuk membina kesedaran tersebut, dan untuk memastikan wang kertas yang direka bentuk semula diperkenalkan dengan lancar di Amerika Syarikat dan di seluruh dunia, kerajaan A.S. telah memulakan program pendidikan awam antarabangsa untuk membantu memastikan pengguna wang kertas A.S. tahu wang kertas \$5 yang baru berada dalam peredaran dan untuk memahami cara menggunakan ciri keselamatannya.



Wang Kertas \$5 Baru

Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



Lembaran Fakta

- Penting bagi pengendali wang tunai, yang lazimnya berada di baris hadapan pertahanan terhadap pemelancungan mata wang, mengenali ciri keselamatan dan penggunaannya. Program pendidikan awam juga ditujukan kepada pengendali wang tunai, pengilang kelengkapan mesin, persatuan perniagaan dan orang awam melalui media berita. Oleh itu, kerajaan A.S. terikat untuk membantu peruncit, institusi kewangan dan perniagaan mendidik pengendali wang tunainya mengenai ciri keselamatan wang kertas yang direka bentuk semula.
- Pihak berkuasa mula bekerja sama dengan pengilang mesin layan diri dan lain-lain mesin berorientasikan wang tunai pada tahun 2006 untuk memastikan mereka mempunyai pengetahuan yang diperlukan untuk melaraskan mesin mereka untuk menerima wang kertas \$5 baru dan juga membolehkan mereka membuat peruntukan terhadap naik taraf kelengkapan apabila tiba masanya wang kertas baru memasuki peredaran pada 13 Mac, 2008.